



1. JAWATAN	: PEGAWAI PERIKANAN KANAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: BAHAGIAN HIDUPAN LIAR KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (1)

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengurusan Hidupan Liar / Sains Veterinar / Penternakan Haiwan / Sains Haiwan / Pengurusan Sumber / Pengurusan Sumber Asli atau bidang bersesuaian.
- ii) Telah berkhidmat di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sebagai Pegawai Perikanan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 / B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- b) Bagi calon-calon yang tidak mempunyai kelulusan, hendaklah telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Perikanan atau dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 / B.2 EB.3 tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan bersih dari tindakan tatatertib/jenayah.
3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PERIKANAN KANAN:**

1. Bertanggungjawab dalam menguatkuasakan Akta Perlindungan Binatang Liar, 1978 (Pindaan 1984) dan Perintah Fauna dan Flora Liar, 2007.
2. Merancang dan menyelaras pelaksanaan dan pemantauan aktiviti harian termasuklah Pentadbiran / Pengurusan / penguatkuasaan serta program / projek kemajuan dan pembangunan Bahagian ini.
3. Menyediakan kertas maklumat / kertas kerja, laporan tahunan / persidangan / mesyuarat serta peruntukan tahunan (perbelanjaan berulang-ulang, khas RKN) bagi aktiviti / program / projek kemajuan dan pembangunan Bahagian ini.
4. Memberi tunjuk ajar dan membimbing pegawai-pegawai bawahan dalam melaksanakan kerja-kerja yang diberikan serta meningkatkan kesedaran awam tentang hidupan liar.
5. Membantu menangani masalah dan konflik dalam menyelamatkan dan memindahkan haiwan liar yang mengancam ketenteraman dan keselamatan awam sesuai dengan kapasiti tenaga kerja, pengalaman serta kemudahan dan kelengkapan yang ada.
6. Memastikan kebajikan haiwan liar yang ditempatkan di Pusat Menyelamat Hidupan Liar sentiasa terpelihara dan penjagaan kesihatan, permakanan dan persekitaran serta menyediakan program rehabilitasi untuk mengembalikan haiwan liar ini ke habitat semulajadi apabila telah sembuh atau mampu hidup sendiri.
7. Membantu memperkenalkan menilai dan memperbaiki kaedah pengurusan rehabilitasi satu-satu spesis haiwan selaras dengan Piawaian Antarabangsa yang boleh dijadikan garispanduan dan dipatuhi oleh kakitangan bawahan.
8. Menerima dan melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Bahagian dan pegawai atasan dari semasa ke semasa.